

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Bilangan pesakit masuk hospital catat penurunan

Kes di Lembah Klang dijangka berkurang akhir bulan

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Muhammad Yusri Muzaeni
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Penggunaan katil Unit Rawatan Rapi (ICU) dan ventilator serta bilangan kemasukan ke hospital mencatat trend penurunan susulan keberkesanan vaksin COVID-19.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata ia jelas dilihat daripada keadaan di Labuan dan Sarawak ketika ini.

Selain itu, beliau berkeyakinan bilangan kes di Lembah Klang juga akan menurun selepas 50 peratus populasi dewasa lengkap divaksinasi menjelang 31 Ogos ini.

Dr Noor Hisham sekali gus memberi jaminan, semua vaksin digunakan bawah Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PI-CK) adalah berkesan menentang varian Delta.

"Kita sudah mula melihat perkembangan positif. Di Lembah Klang, apabila kita mula memberi vaksin kepada golongan berusia lebih 60 tahun, jumlah pesakit warga emas di Hospital Sungai Buloh menurun.

"Malah kini, bilangan pesakit berusia 40 hingga 59 tahun dan 20

hingga 39 tahun juga menurun dalam seminggu lalu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi soal jawab pada Persidangan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021 bertema 'Memangkin Transformasi Sistem Kesihatan Ketika Pandemi - Cabaran dan Peluang' yang diadakan secara maya, semalam.

Dr Noor Hisham turut memaklumkan, seramai 190 gelandangan sudah menerima imunisasi lengkap pada fasa pertama dan 133 lagi pada fasa kedua program Vaksinasi COVID-19 Gelandangan@WPKL di Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, beliau berkata, 66 daripada 67 penjujukan genom dilaksanakan di negara ini dari 17 Julai lalu hingga bulan ini, disahkan sebagai varian Delta.

"Kadar kebolehhangkitan (Rt) virus dari Wuhan bermula daripada 2.5, bermakna seseorang boleh menjangkiti 2.5 orang.

"Namun, kini virus ini (Delta) dilaporkan pada kadar lima hingga lapan. Ini bermakna jika 100 orang dijangkiti, mereka boleh menjangkiti 500 hingga 800 orang dalam satu kitaran. Ia sama seperti cacar air (11 hingga 12) dan campak (18).

"Lebih banyak varian dijangka muncul dan mutasi dijangka apabila terdapat jangkitan yang menyebabkan virus masuk ke paru-paru serta membiak.

"Mungkin dalam tiga atau

empat kitaran, kita boleh melihat lonjakan mutasi protein menjadi rintangan kepada vaksin dan mungkin kita tidak dapat mengesan daripada ujian.

"Kebimbangan ini wujud, tetapi kita perlu melihat kepada penyelesaian melalui kaedah terbaik untuk membendung jangkitan ini," katanya.

Sementara itu, dalam kenyataan pula, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 20,670 jangkitan baharu COVID-19 dilaporkan, semalam, menjadikan jumlah kumulatifnya mencecah 1,384,353 kes.

Enam negeri dan Wilayah Persekutuan merekodkan empat digit kes baharu yang menyaksikan Selangor terus mendahului dengan 6,606 jangkitan, diikuti Kuala Lumpur (2,028),

Kedah (1,796), Sabah (1,752), Johor (1,425), Kelantan (1,370) dan Perak (1,003).

"Sebanyak 96.7 peratus daripada kes baharu itu adalah Kategori 1 dan 2, manakala 3.3 peratus lagi Kategori 3, 4 dan 5.

"Secara keseluruhan, hanya 2,646 kes (12.8 peratus) daripada jangkitan dilaporkan hari ini (semalam) sudah lengkap divaksinasi," katanya.

Daripada jumlah kes membabitkan individu sudah lengkap divaksinasi, 26 mangsa berada dalam Kategori 5, Kategori 4 (12), Kategori 3 (27), Kategori 2 (1,413) dan Kategori 1 (1,168).

Sebanyak 260 kematian baru akibat COVID-19 dan 34 kluster baharu dilaporkan, semalam.

Sementara itu, pakar anesthesiologi dan rawatan rapi di Hospital Kuala Lumpur (HKL), Dr Noorulhana Sukarnakadi Hadzarami, berpendapat 'peperangan' menentang COVID-19 di Lembah Klang mula menunjukkan sinar kemenangan sejak beberapa minggu lalu apabila jumlah kemasukan pesakit baharu mencatat penurunan.

Katanya, jumlah pesakit warga emas mula berkurangan sejak bulan lalu, manakala bilangan kemasukan pesakit tempatan di hospital Lembah Klang juga menurun sejak minggu lalu dengan kebanyakan pesakit baharu kini membabitkan warga asing.

Meskipun angka harian jangkitan baharu COVID-19 di Lembah Klang masih tinggi, beliau menyifatkan penurunan kes kemasukan pesakit itu sebagai 'cahaya di hujung terowong' yang memberi harapan bahawa kejayaan mengawal pandemik itu semakin hampir.

"Rujukan daripada ED (Jabatan Kecemasan) kepada pasukan ICU untuk pesakit COVID-19 kritikal semakin berkurang.

"Jumlah pesakit kategori ringan mungkin masih ramai, namun mereka cuma perlukan pemantauan dan rawatan di wad.

"Masih ada rujukan pesakit COVID-19 kritikal ke ICU dalam kalangan warganegara, namun terdiri daripada mereka yang menolak vaksinasi," katanya dalam catatan melalui Facebook, semalam.

Dua kes keracunan Ivermectin secara sendiri dilaporkan

Kuala Lumpur: Pusat Racun Negara menerima dua kes keracunan akibat pengambilan ubat antiparasit, Ivermectin, secara rawatan sendiri tanpa saranan dan kawalan pihak hospital.

Pusat Racun Negara memaklumkan kes keracunan berkenaan membabitkan seorang individu dewasa berusia 35 tahun, dilaporkan mengalami kesan sampingan sesak nafas berpanjangan selepas mengambil satu pil Ivermectin.

Katanya, satu lagi kes keracunan pula membabitkan seorang warga emas yang tidak sedarkan diri selepas dikatakan menelan 15 pil Ivermectin sekali gus.

Lebih membimbangkan, menurut Pusat Racun Negara, tiada antidot atau rawatan khusus untuk kes keracunan akibat pengambilan Ivermectin, buat masa ini.

"Pusat Racun Negara mula menerima kes keracunan Ivermectin sejak kebelakangan ini.

"Kes pertama adalah membabitkan pengguna berusia 35 tahun yang mengambil satu biji Ivermectin.

"Akibatnya, pengguna itu mengalami gejala sesak nafas berpanjangan hingga lima hari selepas pengambilan.

"Dalam kes kedua pula, seorang warga emas dijumpai tidak sedarkan diri selepas dikatakan mengambil 15 biji Ivermectin sekali gus," katanya dalam satu kenyataan melalui Facebook, semalam, yang turut dikongsi di Facebook Kementerian Kesihatan (KKM).

Pusat Racun Negara menegasakan, Ivermectin masih belum diluluskan penggunaannya untuk rawatan atau pencegahan jangkitan COVID-19 di Malaysia, namun mendapati berlaku aktiviti penjualan ubat antiparasit itu secara tidak sah.

"Pengambilan Ivermectin tanpa kajian mendalam dan dos tidak betul boleh mengakibatkan keracunan. Antara kesan mudarat ialah muntah, cirit, sakit perut dan pening.

"Kesan teruk pula ialah tekanan darah rendah, sesak nafas, kerosakan paru-paru dan kematian.

"Malangnya, tiada antidot atau rawatan yang spesifik untuk kes keracunan ini. Oleh itu, elakkanlah pengambilan Ivermectin untuk rawatan secara sendiri," katanya.

9 lokaliti di Pahang, Sabah kena PKPD

Kuala Lumpur: Sembilan lokaliti di Sabah dan Pahang akan dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) selama 14 hari, berkuat kuasa esok.

Lokaliti terbabit ialah Kampung Sungai Pukul dan Kampung Muhibbah Raya, Tawau; Kampung Paka Kawiyang dan Kampung Matupang, Ranau; Perumahan Ladang Excellent Challenger II, Beluran; Kampung Sembirai Lebak Engad, Kota Belud; serta Kampung Tuhau, Matung, Kudat.

Selain itu, Blok G, H, K dan L Megalong serta Kawasan Perbandaran Donggongan Fasa Dua, Penampang, Sabah dan Kampung Orang Asli Terisu, Pos Terisu, Cameron Highlands, Pahang.

Menteri Kanan Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata keputusan itu dibuat selepas meneliti pembentangan Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan.

Seterusnya, beliau berkata, PKPD di Kampung Darau, Mengatal, Sabah yang dijadualkan tamat semalam, dilanjutkan hingga 28 Ogos ini.

"Selepas meneliti pembentangan KKM mengenai situasi semasa, PKPD di Lorong Kuala Laut Likas, Kampung Warisan, Kampung Rakyat Baru, Kuarters Pekerja Imbas Jaya, Jalan Kionsom, Kota Kinabalu, serta Gugusan Semarak, PJU 5, Kota Damansara, Petaling, Selangor, ditamatkan hari ini (semalam).

"PKPD di Kampung Tinusa 2, Sandakan; Lorong 3, Kampung Klias Baru dan Kampung Melulugus, Beaufort, Sabah; serta Bandar Melati dan Ladang Senang, Rompin, Pahang, ditamatkan esok (hari ini)," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Hishammuddin berkata, 96 premis diarahkan tutup serta-merta, manakala 149 individu dikompaun dan enam lagi direman berikutan gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP), kelmarin.

Terkini COVID-19 17,655 Pulih, dibenar keluar hospital, semalam 20,670 Kes baharu disahkan, semalam 12,228 Jumlah kematian dicatat 1,384,353 Jumlah kes disahkan positif 243,942 kes yang masih dirawat

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

UAE derma satu juta dos vaksin perangi pandemik

Pemberian hasil hubungan akrab dengan Malaysia

Oleh Ahmad Suhael Adnan
ahmad.suhael@bh.com.my

Kuala Lumpur: Malaysia bakal menerima sumbangan satu juta dos vaksin COVID-19 dari Emiriah Arab Bersatu (UAE) bagi membantu Malaysia memerangi pandemik itu.

Ia menjadikan jumlah keseluruhan sumbangan vaksin COVID-19 yang diterima Malaysia daripada beberapa negara kepada hampir lima juta dos.

Menteri Kanan Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata sumbangan itu adalah hasil hubungan akrab antara Malaysia dan UAE, yang membawa manfaat bermakna terhadap usaha

menangani COVID-19.

Katanya, ia bukan kali pertama UAE menghulurkan bantuan kepada Malaysia, berikutan negara itu turut menyumbang peralatan perubatan tahun lalu yang membantu Malaysia pada awal penularan wabak pandemik.

"Negara kita bakal menerima satu juta dos vaksin secara percuma sumbangan UAE. Syukur Alhamdulillah.

"Ini bukan kali pertama UAE hulu sumbangan. Tahun lalu, kita terima lebih tujuh tan peralatan perubatan pelbagai jenis

yang banyak membantu usaha awal petugas barisan hadapan perubatan kita memerangi COVID-19.

"Bagi pihak Yang di-Pertuan Agong, kerajaan dan seluruh rakyat Malaysia, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan sejawat, Yang Mulia Putera Abdullah Bin Zayed Al-Nahyan dan Kerajaan UAE.

"Keprihatinan yang sangat dihargai Malaysia," katanya dalam satu kenyataan di Facebook, semalam.

Sebelum ini, Hishammuddin

mengumumkan Malaysia menerima sejumlah bantuan dan sumbangan hampir empat juta dos vaksin COVID-19 dan peralatan perubatan daripada beberapa negara sejak Jun lalu.

Antaranya oleh Arab Saudi menerusi Pusat Tindakan Bantuan dan Kemanusiaan Raja Salman (KSrelief), yang menyumbang satu juta dos vaksin serta 4.5 juta peralatan perubatan, antaranya terdiri daripada ventilator, oximeter, katil elektrik, PPE, sarung tangan dan pelitup muka yang bernilai AS\$5 juta (RM21 juta).

Selain itu, Malaysia turut menerima sumbangan 415,000 dos vaksin AstraZeneca dari United Kingdom, satu juta dos vaksin Pfizer dari Amerika Syarikat, satu juta dos vaksin AstraZeneca dari Jepun dan 500,000 dos vaksin Sinovac dari China.

Brunei turut mengumumkan sumbangan kelengkapan perubatan bernilai RM1.7 juta, yang membantu usaha negara mengekang penularan COVID-19 di Labuan, Sabah dan Sarawak

Ini bukan kali pertama UAE hulu sumbangan. Tahun lalu, kita terima lebih tujuh tan peralatan perubatan pelbagai jenis yang banyak membantu usaha awal petugas barisan hadapan perubatan kita memerangi COVID-19



Hishammuddin Hussein,
Menteri Kanan Luar Negeri

Remaja perlu dapat kebenaran ibu bapa

Kuala Lumpur: Remaja berusia 12 hingga 17 tahun yang layak menerima vaksin COVID-19 bermula pertengahan bulan depan perlu mendapatkan persetujuan ibu bapa sebelum diberikan suntikan itu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata mereka hanya boleh menerima vaksin COVID-19 jika didaftarkan sebagai tanggungan atau *dependent* dalam aplikasi MySejahtera oleh ibu atau bapa mereka.

Katanya, peluasan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) kepada golongan remaja juga bergantung kepada bekalan vaksin berikutan Malaysia hanya meluluskan pemberian vaksin keluaran Pfizer-BioNTech kepada mereka.

"Untuk pemberian vaksin kepada golongan remaja berusia 18 tahun ke bawah ini perlu mendapatkan *consent* (kebenaran) ibu bapa.

"Jadi mereka hanya boleh mendaftar untuk menerima vaksin di bawah *dependent* kepada ibu atau bapa mereka dalam MySejahtera.

"Perincian lain mengenai

kaedah pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun sedang dibincang dalam Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) dan akan diumumkan minggu depan," katanya kepada *BH* semalam.

Kelmarin media melaporkan satu pekeliling bertarikh 12 Ogos yang dikeluarkan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, meluluskan pemberian vaksin COVID-19 kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun, bermula 15 September depan.

Mengulas lanjut, Dr Adham berkata, pemberian vaksin kepada golongan remaja bawah 18 tahun itu diputuskan selepas mendapatkan pandangan beberapa pakar, yang berpendapat manfaat vaksin COVID-19 melebihi mudarat kepada kumpulan itu.

"Sebab itu, pemberian vaksin kepada remaja diutamakan kepada yang memiliki komorbiditi (dua atau lebih penyakit serentak) serta penyakit ter-

tentu sejak kecil.

"Selepas itu, baru diberikan kepada yang lain-lain mengikut usia. Keutamaan vaksin kepada remaja 18 tahun dahulu, sebelum diberikan kepada remaja berusia 17 tahun, disusuli 16 hingga 12 tahun," katanya.



Dr Adham Baba

Dalam pada itu, Dr Adham memberi jaminan pemberian janji temu untuk vaksinasi kepada individu berusia 18 tahun ke atas, terutama yang sudah mendaftar menerusi aplikasi MySejahtera sejak Februari dan Mac lalu, akan disegerakan.

Beliau berkata, golongan dewasa dalam Fasa Tiga tetap menjadi keutamaan PICK, sebelum inokulasi kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun.

"Tumpuan utama PICK ketika ini adalah nak pastikan pemberian vaksin COVID-19 kepada individu berusia 18 tahun ke atas berjalan lancar dan teratur supaya capai imuniti kelompok, mendahului kelompok lain.

"Keutamaan tetap kepada kelompok dewasa dalam Fasa 3 terlebih dahulu, termasuk pelajar Tingkatan Enam dan warga sekolah seperti guru, kakitangan sokongan, operator kantin, pengawal keselamatan dan pekerja pembersihan.

"Sasaran kita capai imuniti kelompok kekal menjelang Oktober, bermakna sejumlah besar golongan dewasa akan menerima suntikan, ketika kita memulakan pemberian vaksin kepada remaja berusia 12 hingga 17 tahun pada pertengahan September," katanya.

Sehingga kelmarin, lebih 26.8 juta dos vaksin sudah diberikan di seluruh negara, dengan 462,860 dos suntikan dibagikan.

Daripada jumlah itu, 16.7 juta individu yang merangkumi 71.4 peratus daripada 23.4 juta populasi dewasa di Malaysia sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin COVID-19.

Seramai 10.1 juta individu atau 43.3 peratus daripada jumlah keseluruhan golongan dewasa di negara ini sudah menerima suntikan lengkap vaksin berkenaan.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

260 lagi pesakit meninggal dunia, kes aktif meningkat kepada 243,942

Angka kematian melepasi 12,000

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Negara merekodkan kes kematian Covid-19 melepasi 12,000 dengan 12,228 kes semalam, susulan pertambahan sebanyak 260 pesakit meninggal dunia melibatkan 195 warga Malaysia dan 65 warga asing.

Kematian baharu tersebut terdiri daripada 123 lelaki dan 137 wanita serta 68 kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) melibatkan 39 warga tempatan dan 29 warga asing, manakala 199 kes mempunyai sejarah penyakit.

Dalam masa sama, kes harian pula berkurangan sedikit berbanding kelmarin iaitu sebanyak 20,670 kes termasuk lapan kes import menjadikan kes positif mencecah 1,384,353 kes, manakala 17,655 kes sembuh dicatatkan.

Pesakit yang sedang dirawat dan diasingkan terus meningkat dengan 243,942 kes termasuk 1,096 kes di unit rawatan rapi dan 540 kes memerlukan bantuan pernafasan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, lapan negeri melaporkan kes empat digit iaitu Selangor (6,606 kes), Kuala Lumpur (2,028), Kedah (1,796), Sabah (1,725), Johor (1,425), Kelantan



WARGA asing menunggu giliran untuk menerima suntikan vaksin secara walk-in di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Stadium Nasional Bukit Jalil semalam. – FARIZ RUSADIO

(1,370), Pulau Pinang (1,251) dan Perak (1,003).

Menurutnya, sebanyak 676 kes (3.3 peratus) daripada jumlah kes semalam adalah kategori tiga, empat dan lima, manakala sebanyak 19,994 kes (96.7 peratus) daripada kategori satu dan dua.

"Ini berdasarkan keadaan klinikal kes semasa baru didiagnosis Covid-19. Ada antara kes kekal di kategori yang sama sepanjang tempoh jangkitan, namun ada juga berubah status kesihatan sama ada bertambah baik ke kategori lebih rendah atau merosot ke kategori lebih

tinggi.

"Secara keseluruhan, hanya 2,646 kes (12.8 peratus) daripada jumlah kes yang dilaporkan telah lengkap vaksinasi (iaitu dua minggu selepas mendapat dos kedua)," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata, berdasarkan

COVID-19

Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
Kes baharu	20,670
Import:	8
Tempatan:	20,662
Pulih	17,655
Kematian	260
Masih dirawat	243,942
Jumlah kes sembuh	1,128,183
Jumlah Kematian	12,228
Jumlah kes keseluruhan	1,384,353

status vaksinasi, sebanyak 388 kes kategori lima dengan 362 kes atau 93.3 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi, manakala 91 kes kategori empat dengan 79 kes atau 86.8 peratus tiada atau tidak lengkap vaksinasi.

Mengulas lanjut, Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 34 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 20 kluster tempat kerja, 12 kluster komuniti serta masing-masing satu kluster kumpulan berisiko tinggi dan pusat tahanan.

40 ibu hamil dirawat di HRPZ II

KOTA BHARU – Seramai 40 ibu hamil yang dijangkiti Covid-19 sedang menerima rawatan di wad khas di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II di sini.

Pengarah HRPZ II, Datuk Dr. Selasawati Ghazali berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan sejak dua bulan lalu apabila hanya lima kes positif melibatkan ibu hamil ditempatkan di hospital itu sebelum ini.

Katanya, daripada 40 pesakit itu, beberapa orang daripadanya ditempatkan di unit rawatan rapi (ICU) selepas tahap oksigen mereka rendah selain ada yang menghidap penyakit kronik.

"Kebanyakan ibu mengandungkan ditempatkan di wad khas untuk perhatian dalam usaha menyelamatkan ibu dan anak dalam kandungan.

"Jika ada yang dimasukkan ke ICU dan kandungan mereka sudah mencapai tempoh bersalin, kita terpaksa melakukan pembedahan segera bagi menyelamatkan



SERAMAI 40 ibu hamil kini menerima rawatan di HRPZ II, Kota Bharu selepas dijangkiti Covid-19. – GAMBAR HIASAN

kan nyawa dua individu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa melawat Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) Dewan Jubli Perak, di sini semalam.

Mengulas lanjut, menurut Dr. Selasawati, HRPZ II kini terpaksa

menggunakan dewan syarahan di hospital itu sebagai wad sementara waktu kerana jumlah pesakit sudah mencecah 100 peratus.

"Jumlah pesakit yang berada di ICU sudah mencapai 96 peratus dan kemungkinan akan berlaku peningkatan dari semasa ke semasa," katanya.

Tindakan drastik telah diambil di HTAR

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) telah mengambil pelbagai tindakan drastik dan segera termasuk memaksimumkan kapasiti untuk menerima kesemua pesakit yang memerlukan rawatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

Ketua Setiausaha KKM, Datuk Mohd. Shafiq Abdullah berkata, wad sedia ada di HTAR juga sudah dinaik taraf dari segi kemudahan dan peralatan bagi memastikan rawatan yang terbaik diberikan kepada pesakit.

Beliau berkata, sejak bulan lalu, KKM memobilisasi seramai 27 kakitangan kesihatan dari fasiliti-fasiliti kesihatan di Selangor dan beberapa negeri lain untuk berkhidmat sementara di HTAR.

"Mereka membabitkan pegawai perubatan dan kesihatan, penolong pegawai perubatan

dan jururawat," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Beliau berkata demikian sebagai reaksi kepada kenyataan Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago berhubung situasi semasa di HTAR.

Katanya, kementerian juga telah menempatkan kakitangan dari jabatan lain seperti doktor meliputi 12 orang pakar dan 53 orang pegawai perubatan serta 10 orang pegawai perubatan siswazah di HTAR.

Selain itu, katanya, seramai 74 orang jururawat terlatih, 13 orang jururawat masyarakat, 129 orang penolong pegawai perubatan dan 80 orang pembantu perawatan kesihatan turut ditugaskan di hospital sama.

"Buat masa ini, kadar pengiraan katil bagi pesakit Covid-19 di HTAR adalah 154.73 peratus atau bersamaan 1,098 orang pesakit," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 5
 RUANGAN : NEGARA

Kes keracunan akibat Ivermectin dilaporkan


PETALING JAYA – Pusat Racun Negara mengesahkan bahawa pihaknya telah mula menerima kes keracunan yang diakibatkan oleh pengambilan Ivermectin.

Menerusi satu kenyataan di laman Facebook, pihaknya memaklumkan kes pertama yang diterima melibatkan seorang pengguna berusia 35 tahun yang telah mengambil sebiji pil Ivermectin.

"Akibat pengambilan sebiji pil itu, pengguna tersebut telah mengalami gejala sesak nafas yang berpanjangan sehingga lima hari selepas penggunaannya.

"Kes kedua pula melibatkan seorang warga emas yang ditemui dalam keadaan tidak sedarkan diri selepas dikatakan mengambil sebanyak 15 biji pil Ivermectin sekali gus," katanya semalam.

Menurut kenyataan itu, Ivermectin belum lagi diluluskan penggunaannya sebagai rawatan atau pencegahan jangkitan Covid-19 di Malaysia, namun didapati ada aktiviti penjualan ubat berkenaan secara tidak sah yang sedang berlaku.



IVERMECTIN adalah ubat antiparasit yang diluluskan oleh FDA untuk kegunaan haiwan. – GAMBAR HIASAN

"Pengambilan Ivermectin tanpa kajian mendalam dan dos yang tidak betul boleh mengakibatkan keracunan.

"Ivermectin boleh menyebabkan kesan mudarat seperti muntah, cirit, sakit perut dan pening, manakala kesan yang teruk pula adalah tekanan darah rendah, se-

sak nafas, kerosakan paru-paru dan kematian," jelasnya.

Tambahnya, setakat ini tiada sebarang antidot atau rawatan spesifik untuk kes keracunan sebegini, oleh itu orang ramai digalakkan untuk mengelakkan pengambilan Ivermectin bagi melakukan rawatan sendiri.

Jangkitan di Perlis naik semula kerana kluster kilang

KANGAR – Jumlah kes positif Covid-19 di negeri ini dijangka terus meningkat dalam masa terdekat akibat kewujudan kluster kilang yang melibatkan kontak yang ramai.

Menteri Besar, Datuk Seri Azlan Man berkata, sebahagian pekerja tempatan dan warga asing dari kilang berasaskan produk getah di Jejawi telah pun didapati positif.

Katanya, mereka ini telah menyumbang kepada jangkitan kepada individu-individu lain di dalam masyarakat.

"Saya difahamkan, seramai 129 individu kontak rapat kluster kilang berkenaan telah diarahkan untuk kuarantin. Sebahagian daripada operasi kilang juga telah diarahkan tutup.

"Tak perlu ulang lagi apa yang perlu dilakukan oleh rakyat. Mungkin kita dah jemu mendengarnya. Sama-samalah kita berusaha memainkan peranan masing-masing. Selebihnya kita berdoa dan berserah pada Allah," katanya dalam satu hantaran di Facebooknya

semalam.

Sementara itu, beliau menyatakan rasa sedih dan kesal kerana usaha keras sebelum ini untuk memasuki Fasa Ketiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah diranapkan dengan kes-kes jangkitan baharu Covid-19 yang semakin meningkat setiap hari.

"Saya kesal kerana sebahagian kecil daripada kalangan kita tak patuhi prosedur operasi standard (SOP) sepenuhnya. Akhirnya ia menjadi salah satu penyebab utama kes meningkat semula.

"Namun begitu, kita masih perlu untuk terus berusaha menangani situasi ini dan tak boleh berundur ke belakang.

"Usaha kuat perlu dilakukan untuk mengurangkan penularan virus ini dan saya masih menaruh harapan agar bilangan kes terkawal dan semakin menguncup semula," ujarnya.

Semalam, Perlis mencatatkan kes positif harian sebanyak 61 kes dengan jumlah kumulatif pula 1,021 kes.

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEGARA

Pesakit Covid-19 warga emas, kanak-kanak perlu ditempatkan di PKRC

Tiada ilmu punca ramai mati di rumah

Oleh LUQMAN RIDHWAN MOHD. NOR

PETALING JAYA – Tiada ilmu mencukupi mengenai simptom kekurangan oksigen dalam badan merupakan antara penyebab kes *brought-in-dead* (BID) mencatatkan angka tertinggi iaitu sebanyak 95 kes kelmarin.

Pakar Perubatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, ia sekali gus menggam-barkan pesakit yang menjalani kuarantin sendiri gagal menilai keadaan diri mereka sendiri.

"Bukan itu sahaja, individu yang tinggal bersama-sama pesakit bagi memantau mereka di rumah juga tidak tahu keadaan dihadapi tersebut walaupun telah menunjukkan simptom-simptom kekurangan oksigen.

"Antara simptom kekurangan oksigen adalah susah bernafas, denyutan laju, tercungap-cungap, malah boleh jadi tidak keruan jika berada pada tahap teruk," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Beliau berkata, Covid-19 juga menyebabkan kerosakan paru-paru yang dikenali sebagai 'silent pneumonia' dan ia menyebabkan 'happy hypoxia' ataupun kekurangan oksigen dalam badan tanpa disedari.

"Tahap parah adalah apabila



SEBILANGAN pesakit Covid-19 meninggal dunia ketika dalam tempoh kuarantin di rumah. – GAMBAR HIASAN

paras oksigen kurang daripada 80 peratus. Pesakit jadi tidak keruan, bibir biru dan kerosakan organ dalaman seperti buah pinggang dan hati," katanya.

Pada masa sama, Sharifa Ezat mencadangkan agar warga emas dan pesakit Covid-19 yang mempunyai penyakit lain ditempatkan di Pusat Kuarantin & Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) sekiranya mereka ter-

sebabkan oleh kelewatan mem-bawa mangsa ke hospital.

"Begitu juga dengan kanak-kanak, tempatkan mereka di PKRC khas bagi golongan tersebut agar pemantauan rapi dapat dijalankan," katanya.

Sementara itu, Presiden Per-satuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia, Datuk Dr. Zainal Ariffin Omar tidak me-nojak kematian BID berlaku di-

sebabkan oleh kelewatan mem-bawa mangsa ke hospital.

"Selain itu, katanya, ia juga boleh berlaku disebabkan masalah seperti pengangkutan, isu membabitkan ambulans serta akses kepada hospital.

"Terdapat beberapa golongan yang berhadapan dengan risiko kekurangan oksigen dalam badan iaitu mereka berpenyakit kronik, obesiti, asma dan perokok," ka-



SHARIFA EZAT



KERATAN *Kosmo!* semalam.

tanya.

Tambahnya, sebelum men-jalani kuarantin sendiri, sese-orang perlulah melengkapkan diri dengan pengetahuan dan ke-mahiran mencukupi.

"Mereka mestilah tahu meng-gunakan alat bacaan tahap ok-sigen, oximeter dan paling pen-ting menghubungi talian 999 jika berhadapan dengan situasi kece-masan," katanya.

Malaysia hargai 1 juta vaksin UAE

PUTRAJAYA – Kementerian Luar Negeri menyambut baik pemberian ihsan sebanyak se-juta dos vaksin Covid-19 yang di-sumbangkan oleh kerajaan Emi-riah Arab Bersatu (UAE).

Menteri Kanan Luar Negeri, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, beliau bagi pihak Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, kera-jaan dan rakyat Malaysia juga melahirkan penghargaan tinggi.

"Penzahiran ini dipersembahkan kepada Putera Mahkota Abu Dhabi dan Timbalan Panglima Tertinggi Tentera UAE, Sheikh Mohamed Zayed Al-Nahyan," ka-tanya menerusi kenyataan di sini semalam.

Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada rakan se-jawatannya, Menteri Luar dan Kerjasama Antarabangsa UAE, Sheikh Abdullah Zayed Al-Nah-yan dan kepimpinan negara tersebut.

Sumbangan segera itu ujar Hishammuddin dijangka da-pat membantu usaha Malaysia



HISHAMMUDDIN (kiri) bergambar bersama Sheikh Abdullah Zayed ketika melawat UAE pada Februari lalu.

dalam berdepan dengan cabaran wabak Covid-19 yang semakin se-rus di seluruh negara ketika ini.

UAE negara keenam yang tampil memberi sumbangan vaksin secara percuma kepada negara ini selepas China, Jepun, Amerika Syarikat, Arab Saudi dan paling baharu, Britain.

Pemberian berkenaan malah bakal memacu kadar pemberian vaksinasi harian yang kini giat dilaksanakan kerajaan di bawah Program Imunisasi Covid-19 Ke-bangsaan sejak Februari lalu.

"Sumbangan ini dapat mengeratkan lagi hubungan dua hala kedua-dua negara," ujarnya.

AKHBAR : SINAR AHAD
 MUKA SURAT : 8
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Vaksin berkesan menentang varian Delta

Dr Noor Hisham beri jaminan semua jenis vaksin di bawah PICK berkesan

KUALA LUMPUR

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah memberi jaminan bahawa semua vaksin yang digunakan di bawah Program Vaksinasi Covid-19 Kebangsaan (PICK) di seluruh negara berkesan menentang varian Delta.

Mengambil Labuan dan Sarawak sebagai contoh, katanya, vaksinasi telah berjaya mengurangkan kadar kemasukan ke hospital, unit rawatan rapi (ICU) dan mengurangkan keperluan penggunaan ventilator.

Beliau yakin kes di Lembah Klang juga akan berkurangan selepas mencapai 50 peratus penduduk dewasa lengkap dua dos vaksin menjelang 31 Ogos ini.

"Kita sudah mula melihat perkembangan positif. Di Lembah Klang apabila kita mula memberi vaksin kepada warga emas lebih 60 tahun, jumlah pesakit di Hospital Sungai Buloh menurun dan kini kumpulan

berusia 40 hingga 59 tahun dan 20 hingga 39 tahun juga menurun dalam seminggu yang lalu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucapan pada Persidangan Penjagaan Kesihatan Malaysia 2021 secara maya pada Sabtu.

Dr Noor Hisham berkata, daripada 67 penjujukan genom dilaksanakan di negara ini dari 17 Julai hingga Ogos ini, 66 disahkan sebagai varian Delta.

Menurutnya, kadar kebolehjangkitan Covid-19 atau R-naught adalah lebih tinggi bagi varian Delta dan oleh itu lebih banyak penularan berbanding virus Wuhan yang mencetuskan pandemik pada 2019.

"R-naught untuk virus Wuhan bermula dari 2.5, bermakna seseorang boleh menjangkiti 2.5 orang tetapi kini virus ini (Delta) dilaporkan pada kadar lima hingga lapan...bermakna jika 100 orang dijangkiti, mereka boleh menjangkitkan 500 hingga 800 orang dalam satu kitaran. Ia sama seperti cacar air (11 hingga 12) dan campak (18)," katanya.



DR NOOR HISHAM

Katanya, lebih banyak varian dijangka muncul sambil menambah bahawa mutasi berlaku apabila terdapat jangkitan yang menyebabkan virus masuk ke paru-paru dan menjadi rintangan kepada vaksin dan mungkin kita tidak dapat mengesan daripada ujian. Kebimbangan itu wujud tetapi kita perlu melihat kepada penyelesaian, kaedah terbaik untuk membendung jangkitan ini," katanya.

Mengulas penggunaan ubat Ivermectin, Dr Noor Hisham berkata, keputusan ujian klinikal berhubung keberkesanan ubat itu akan diperoleh bulan depan.

Dalam pada itu, menerusi perkongsian data terkini jangkitan Covid-19 di laman Twitter, Dr Noor Hisham memaklumkan, sebanyak 20,670 kes baharu Covid-19 dilaporkan di Malaysia pada Sabtu, menurut sedikit berbanding 21,468 yang direkodkan pada Jumaat.

"Perkembangan baharu itu menjadikan jumlah kumulatif kes di negara ini 1,384,353," katanya.

- Bernama

96 kilang, premis perniagaan diarah tutup

SHAH ALAM - Sebanyak 96 premis terdiri daripada sektor perkilangan dan premis perniagaan diarahkan tutup pada Jumaat kerana gagal mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan kerajaan.



HISHAMMUDDIN

Menteri Kanan Luar Negeri (Keselamatan), Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, langkah tersebut diambil selepas kerajaan melaksanakan 77,326 pemeriksaan dan snap check Covid-19 di seluruh negara dengan jumlah kekuatan anggota seramai 18,415 orang.

"Ia termasuk pemeriksaan ke atas 1,791 buah kilang, 16,929 premis perniagaan, 935 tapak pembinaan dan 231 buah asrama penempatan pekerja," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Dalam pada itu, Hishammuddin memaklumkan, seramai 149 individu yang dikompaun kerana ingkar SOP dan enam-individu direman atas kesalahan yang sama.

Sementara itu, beliau berkata, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dikuatkuasakan terhadap sembilan lokaliti melibatkan Sabah dan Pahang berkuatkuasa 16 Ogos hingga 29 Ogos ini.


"Lokaliti di Sabah melibatkan Kampung Sungai Pukul dan Kampung Muhibbah Raya, Tawau; Kampung Paka Kawiyan dan Kampung Matupang, Ranau.

"Turut terlibat Perumahan Ladang Excellent Challenger II, Beluran; Pekan Donggongan, Penampang, (Blok G, H, K, L, Megalong dan Kawasan Perbandaran Donggongan Fasa 2), Kampung Sembirai Lebak Engad, Kota Belud dan Kampung Tuhau, Matunggong, Kudat, Sabah.

"Di Pahang pula, Kampung Orang Asli Terisu, Pos Terisu, Cameron Highlands," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA


KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI



Kategori 1 Tanpa gejala
Kategori 2 Gejala ringan
Kategori 3 Jangkitan paru-paru
Kategori 4 Jangkitan paru-paru memerlukan oksigen
Kategori 5 Ada jangkitan paru-paru dan memerlukan alat bantuan pernafasan

Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



* Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 14 Ogos 2021

JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KESELURUHAN	1,384,353	PULIH:	1,128,183	ICU:	1,096	KEMATIAN:	12,228	KES BAHARU	20,670	SUDAH DIVAKSIN	26,851,765
--------------------	-----------	--------	-----------	------	-------	-----------	--------	------------	--------	----------------	------------

AKHBAR : SINAR AHAD
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Selangor hampir capai 100 peratus sasaran vaksin Covid-19



Amirudin (tengah) diringi George (kiri) menyampaikan ucapannya sebelum menyampaikan sumbangan di Pusat Khidmat Masyarakat DUN Sentosa pada Sabtu.

KLANG - Kerajaan negeri Selangor hampir mencapai sasaran 100 peratus populasi dewasa yang menerima suntikan dos pertama vaksin Covid-19 di negeri itu sehingga Sabtu.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, vaksinasi adalah antara dua perkara penting menjadi keutamaan dalam pengurusan Covid-19 di negeri itu selain kebajikan rakyat.

"Kita sudah hampir capai 100 peratus menerima vaksin dos pertama di seluruh negeri, kalau ada pun yang masih tertinggal mungkin yang tidak mendaftar sahaja lagi.

"Kedua, kita akan meneruskan agihan bantuan ekonomi dan juga sokongan kepada rakyat yang memerlukan melalui program Kita Selangor," katanya.

Beliau berkata demikian sebelum menyampaikan sumbangan keperluan makanan kepada penerima di Pusat Khidmat Masyarakat Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Sabtu.

